



Persidangan Ketiga DUN Kelantan: RUU Enakmen Keluarga Islam 2025 jadi tumpuan utama

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | JAMADILAWAL 1447H | 02-06 NOV 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Kelantan bimbang Perjanjian Malaysia-AS jejas hak nadir bumi negeri

Rakyat Kelantan dominasi sektor awam negara

Idea baharu, cadangan penambahbaikan Madinah Ramadan 2026 dialu-alukan - YB Hilmi

Istiqamah, kesatuan fikrah tonggak kekuatan - MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 4 November - Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyeru seluruh kepimpinan negeri agar terus beristiqamah dan bersatu dalam memperkukuh dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang menjadi teras pemerintahan Kelantan sejak 35 tahun lalu.

Beliau menegaskan bahawa perjuangan yang diasaskan sejak 1990 perlu diteruskan dengan penuh keikhlasan dan kesatuan fikrah antara generasi pemimpin terdahulu dan masa kini.

"Pemimpin datang dan pergi, tetapi dasar tidak pernah berubah. Tiada khilaf di antara kita dalam meletakkan Islam sebagai dasar berasaskan al-Quran, hadis, ijmak dan qias. Daripada slogan MBI pada tahun 1990, ia berkembang menjadi dasar, dan seterusnya diterjemahkan sebagai pelaksanaan di bawah fasa kedua Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) dan kini fasa ketiga, Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Mahabbah Kepimpinan Kelantan Bersama Mantan Yang Berhormat Kerajaan Membangun Bersama Islam di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Dato' Mohd Nassuruddin turut memetik Surah Hud ayat 112, "Fastakim kama umirta" (beristiqamahlah sebagaimana yang diperin-



tahan), sebagai panduan kepada semua pemimpin agar kekal teguh dalam perjuangan Islam walaupun berbeza pandangan dan pendekatan.

"Istiqamah itu berat. Saya tidak mampu membayangkan bagaimana seseorang yang pernah memegang amanah dalam kerajaan boleh berpaling daripada perjuangan. Kita boleh berbeza pendapat, tetapi biarlah dengan hujah. Bermesyuaratlah, buat keputusan dan bertawakal kepada Allah. Kesetiaan kepada perjuangan Islam mesti kekal," tegasnya.

Menteri Besar turut mengimbas pengalamannya berkempen bersama mantan Ahli Parlimen Rantau Panjang Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok ketika Pilihan Raya Umum 1995 Ketika Dewan Negeri Meranti berada di Bawah Parlimen Rantau Panjang.

"Saya amat terharu dengan kehadiran Dr. Daeng Sanusi yang memandu kereta sendiri dari Bangi

ke Kelantan. Pada usia 86 tahun, beliau membuktikan tanda kasih dan semangat juang yang tidak pernah luntur.

"Saya menyeru agar semua pemimpin dahulu dan sekarang supaya mencontohi semangat Dr. Daeng Sanusi ini. Kita mesti istiqamah untuk terus bekerja sebagai satu pasukan. Kita perkukuhkan benteng Islam dan melebarkan kemenangan di masa depan," tambahnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada semua mantan wakil rakyat yang hadir dalam majlis tersebut.

Sementara itu, Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok, 86, yang mewakili mantan wakil rakyat, menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif menganjurkan majlis yang menghargai jasa saf kepimpinan terdahulu.

"Kerajaan Perpaduan Ummah yang dibentuk pada 1990 telah melahirkan kekuatan luar biasa melalui dasar Membangun Bersama Islam.



Istiqamah itu berat. Saya tidak mampu membayangkan bagaimana seseorang yang pernah memegang amanah dalam kerajaan boleh berpaling daripada perjuangan. Kita boleh berbeza pendapat, tetapi biarlah dengan hujah. Bermesyuaratlah, buat keputusan dan bertawakal kepada Allah. Kesetiaan kepada perjuangan Islam mesti kekal."

Dasar ini menjadikan Islam bukan sekadar slogan, tetapi pendekatan positif yang membangunkan negeri untuk kepentingan dunia dan akhirat," katanya.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Rantau Panjang selama dua penggal. Penggal pertama pada tahun 1990 hingga 1995 dan penggal kedua pada tahun 1995 hingga 1999.

Beliau menegaskan bahawa kekuatan Kelantan berpaksikan kepimpinan ulama yang bukan sahaja alim, tetapi berperanan mentarbiah rakyat dengan akhlak dan ilmu.

"Kekuatan jemaah Kelantan terletak pada akhlak dan perpaduan. Kita jadikan kesatuan fikrah (wehdatul fikri), kesatuan amal (wehdatul amal) dan kesatuan jemaah (wehdatul jemaah) sebagai pegangan seluruh umat Islam. Harapan saya agar semua pemimpin terus beristiqamah dan bersatu demi Islam," pesannya.



Persidangan Ketiga DUN Kelantan: RUU Enakmen Keluarga Islam 2025 jadi tumpuan utama

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 5 November - Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Keluarga Islam 2025 yang bakal menggantikan undang-undang sedia ada menjadi tumpuan utama Persidangan Kali Ketiga Dewan Negeri Kelantan (DUN) yang akan berlangsung selama lima hari bermula Khamis ini, 6 November, serta bersambung pada 9 hingga 12 November.

Speaker DUN Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Mohd Amar Abdullah berkata RUU berkenaan akan dibentangkan oleh Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, pada hari keempat persidangan.

"Ini merupakan RUU baharu,



bukan pindaan. Ia merangkumi hal ehwal keluarga Islam seperti perkahwinan, perceraian, tanggungjawab serta peraturan berkaitan bidang kuasa Mahkamah Syariah," katanya ketika ditemui media di pejabatnya, hari ini.

Menurutnya, penggubalan enakmen baharu itu dibuat dengan mengambil kira perkembangan semasa dalam masyarakat Islam serta penambahbaikan dari segi perundangan dan pelaksanaan.

"RUU ini turut memperkemas aspek kesalahan dan hukuman supaya lebih relevan dengan realiti hari ini. Had hukuman juga meningkat berbanding sebelumnya bagi memastikan pelaksanaan undang-undang Islam lebih menyeluruh dan berkesan," jelasnya.

Selain pembentangan RUU berkenaan, persidangan kali ini turut menyaksikan pembentangan Belanjawan Negeri 2026 oleh



Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, pada hari pertama sidang, sebelum dewan ditangguhkan dua hari bagi memberi laluan kepada cuti hujung minggu (Jumaat dan Sabtu).

"Persidangan akan bersambung semula pada Ahad bagi sesi perbincangan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri manakala pada Isnin kerajaan akan menjawab dan menggulung perbincangan," jelasnya.

Kelantan bimbang Perjanjian Malaysia-AS jejas hak nadir bumi negeri



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 3 November - Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan menjelaskan bahawa kebimbangan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap perjanjian Malaysia-Amerika Syarikat berkaitan nadir bumi (REE) adalah berasas kerana hal itu berpotensi menjejaskan hak negeri sebagai pemilik sumber mineral.

Beliau berkata, menurut Perlembagaan Persekutuan, semua hasil bumi termasuk REE yang berada dalam sempadan negeri adalah hak milik negeri. Sebarang aktiviti melibatkan perlombongan serta pelesenan perlu mendapat kebenaran

kerajaan negeri.

"Namun perjanjian Malaysia dengan Amerika Syarikat bertarikh 26 Oktober 2025 telah memasukkan satu klausa yang sangat membimbangkan negeri-negeri pengeluaran termasuk Kelantan.

Ini bermakna hak negeri untuk menentukan dasar perlombongan sendiri boleh terjejas," katanya menerusi kenyataan di laman rasmi pada 30 Oktober.

Tambahnya, klausa yang berbunyi "Malaysia shall refrain from banning, or imposing quotas on, exports to the United States of critical minerals or rare earth..." membawa maksud kewajipan undang-undang, bukan pilihan.

Sekiranya ia dipatuhi tanpa rundingan bersama negeri pengeluaran seperti Kelantan, katanya, ia menafikan kuasa negeri yang termaktub dalam Perlembagaan.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli turut mengibaratkan situasi itu seperti "sawah sendiri, tetapi orang lain yang menjual padi".

"Kita yang menanam, menjaga dan menuai, tetapi orang lain men-

jual hasilnya tanpa kita tahu harga sebenar.

Itulah kebimbangan kami — negeri memiliki sumber, tetapi hak menentukan hala tuju ekonominya mungkin berpindah tangan," ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan negeri sudah mempunyai plan pembangunan REE tersendiri yang merangkumi penerokaan, pemprosesan serta penghasilan produk bernilai tinggi.

Tambahnya, Kelantan juga telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Lynas, salah satu syarikat utama dunia dalam pemprosesan nadir bumi.

"Kami tidak menolak pelaburan luar, malah mengalu-alukannya. Namun, hak memilih rakan industri yang memberi manfaat terbaik kepada rakyat Kelantan mesti kekal di tangan kerajaan negeri," tegasnya.

Menurutnya, kebimbangan itu juga berpunca daripada pengalaman lama berkaitan isu royalti petroleum.

"Rakyat Kelantan masih ingat bagaimana hasil minyak di perairan negeri tidak disalurkan dalam bentuk royalti seperti dijanjikan. Kami tidak mahu perkara itu berulang terhadap REE," katanya.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli turut menegaskan bahawa REE merupakan sumber strategik dunia dan penting dalam teknologi moden seperti telefon pintar, kenderaan elektrik, turbin tenaga hijau dan sistem pertahanan.

"Kelantan mahu memilih rakan perniagaan dengan berhati-hati. Kita mahukan harga terbaik, teknologi terbaik dan manfaat terbesar kepada rakyat negeri ini," katanya.

Jelas beliau lagi, kerajaan negeri menyeru agar kerajaan persekutuan melibatkan negeri-negeri pengeluaran dalam setiap rundingan antara-bangsa berkaitan REE.

"Jangan ulangi kesilapan lama seperti isu petroleum. Kami mahu pembangunan yang adil dan telus yang menjamin pekerjaan kepada rakyat, hasil kepada negeri, dan kelestarian alam sekitar," tegasnya.

Pemegang tauliah MAIK hanya boleh ajar fahaman ASWJ, Mazhab Syafie

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 4 November – Pemegang tauliah mengajar agama di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) hanya dibenarkan menyampaikan ajaran berteraskan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dan berpegang kepada fiqh mazhab Syafie di negeri ini.

Yang Dipertua MAIK merangkap Tengku Temenggong Kelantan, YBM Tengku Tan Sri Dato' Tengku Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata ketetapan itu adalah selaras dengan tafsiran ASWJ yang diperincikan dalam Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan perkara 4 (1).

Menurutnya, perlembagaan tersebut menjelaskan bahawa ASWJ membawa maksud mazhab Abu Hassan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi, serta mereka yang mengikut landasan kedua-dua tokoh berkenaan.

“Ini menzahirkan bahawa Negeri Kelantan menjadikan pegangan akidah Maturidiah sebagai definisi rasmi bagi ASWJ di sisi perlembagaan negeri,” katanya ketika berucap pada Seminar Pemantapan Ilmu Kepada Pemegang Tauliah Mengajar MAIK 2025, di sebuah hotel di sini, semalam.



Dato' Tengku Mohamad Rizam turut menegaskan bahawa berdasarkan perkara 6 perlembagaan negeri, Tuanku Al-Sultan merupakan Ketua Agama Islam Negeri Kelantan, dan titah perintah baginda wajib dilaksanakan, khususnya dalam urusan pentadbiran agama.

“Pihak MAIK sentiasa mendapatkan nasihat dan perkenan Tuanku dalam melaksanakan dasar serta garis panduan, termasuk berkaitan tauliah mengajar agama,” katanya.

Beliau menegaskan MAIK memandang serius sebarang pelanggaran garis panduan oleh pemegang tauliah dan mewajibkan mereka menghadiri program anjuran MAIK bagi memperkukuh kebersamaan dan kesefahaman hala tuju dakwah.

Katanya lagi, keterlibatan pemegang tauliah bersama MAIK dalam mendepani isu-isu semasa

yang bertentangan dengan amalan ASWJ menunjukkan kesepaduan jitu dalam memastikan masyarakat kekal utuh dan tidak terpengaruh dengan ajaran atau fahaman yang bertentangan.

Beliau turut mengingatkan bahawa pemegang tauliah perlu mendapatkan persetujuan pihak masjid atau penganjur terlebih dahulu sebelum menyampaikan pengajaran agama di mana-mana premis.

“Penceramah juga tidak dibenarkan menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan akidah ASWJ, menyentuh hal berkaitan institusi istana, membangkitkan isu khilafiah yang boleh membawa kepada perpecahan ummah, atau menyentuh isu politik serta peribadi individu,” jelasnya.

Di samping itu, penceramah juga perlu mematuhi peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan



tidak menyampaikan kuliah yang bercanggah dengan dasar MAIK, kerajaan negeri, atau kerajaan persekutuan.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Dato' Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean AL-HAJ Tengku Feissal, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan YAA Dato' Ibrahim Deris, Mufti Kerajaan Negeri Sabah Sahibus Samahah Datuk Bungsu@Aziz Jaafar, Timbalan Mufti Negeri Kelantan YB Dato' Nik Abdul Kadir Nik Mohamad, Timbalan Yang Dipertua MAIK Dato' Mohd Anis Hussein, Ketua Polis Kelantan YDH CP Dato' Mohd Yusoff Mamat dan Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Dato' Zulkifle Abdul Rahman.

Penjawat awam anak Kelantan diseru kekalkan “Syakhsiyyah Islamiyyah” - Dato' Dr. Fadzli



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 5 November - Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan menyeru semua penjawat awam anak Kelantan agar mengekalkan jati diri dan akhlak terpuji sebagai cerminan “Syakhsiyyah Islamiyyah” susulan laporan yang menunjukkan Kelantan mencatatkan jumlah penjawat awam tertinggi di negara ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa yang memaklumkan bahawa berdasarkan data Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) sehingga 24 September 2025, Kelantan merekodkan 170,383 penjawat awam, bersamaan 13 peratus daripada keseluruhan 1.3 juta penjawat awam di Malaysia.

Angka tersebut menjadikan Kelantan negeri dengan penglibatan tertinggi dalam sektor awam, meliputi pelbagai skim perkhidmatan tetap dan berwaran sah, tidak termasuk perkhidmatan polis dan tentera.

Dr. Zaliha menjelaskan bahawa statistik tersebut tertakluk kepada proses pengemaskinian berkala

oleh pegawai sumber manusia di setiap agensi bagi memastikan ketepatan data dan keberkesanan tadbir urus sumber manusia perkhidmatan awam.

Mengulas perkembangan itu, Dato' Dr. Mohamed Fadzli menzahirkan rasa syukur atas pencapaian tersebut dan menyeru agar setiap anak Kelantan yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam di seluruh negara terus membawa nama baik negeri dengan menonjolkan nilai dan peribadi unggul.

“Kita mahu semua anak Kelantan yang berkhidmat sebagai penjawat awam mengekalkan jati diri Syakhsiyyah Islamiyyah yang beragama, ramah, manis dan ceria, bertoleransi serta saling tolong-menolong,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut menegaskan bahawa kedudukan anak Kelantan dalam sektor awam bukanlah atas faktor ihsan, melainkan atas dasar kelayakan, kebolehan dan prestasi.

“Kita bersyukur dan mesti sedar bahawa duduknya kita di situ atas kelayakan, bukan ehsan. Maka jangan rasa rendah diri, tetapi juga jangan bersikap sombong. Jadilah penjawat awam yang membawa imej baik serta menangkis segala tanggapan negatif terhadap anak Kelantan,” pesannya.

Menurutnya lagi, sumbangan besar anak Kelantan dalam perkhidmatan awam adalah bukti kemampuan sumber insan negeri ini untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara dengan nilai integriti, amanah dan profesionalisme tinggi.

Rakyat Kelantan dominasi sektor awam negara



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 5 November – Rakyat Kelantan terus menzahirkan keunggulan dalam perkhidmatan kepada negara apabila mencatatkan jumlah penjawat awam tertinggi di Malaysia, menurut data Sistem Maklumat Pengurusan

Sumber Manusia (HRMIS) sehingga 24 September 2025.

Daripada 1.3 juta penjawat awam di seluruh negara, Kelantan merekodkan seramai 170,383 orang, bersamaan 13 peratus daripada keseluruhan jumlah tersebut menjadikannya negeri dengan penglibatan terbesar dalam sektor awam.

Negeri Perak berada di kedudukan kedua dengan 140,160 penjawat awam (11 peratus) diikuti Johor dengan 132,032 orang (10 peratus).

Statistik berkenaan diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (Wilayah Persekutuan) YB Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa.

Beliau menjelaskan bahawa data tersebut merangkumi jawatan sebenar berwaran tetap dan tidak termasuk skim perkhidmatan polis dan tentera.

Menurutnya, angka berkenaan turut tertakluk kepada proses pengemaskinian berkala oleh pegawai sumber manusia di agensi masing-masing bagi memastikan ketepatan data dan keberkesanan tadbir urus sumber manusia sektor awam.



Karnival Cakna Rakyat pupuk semangat kerjasama dalam masyarakat –TMB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 November - Penganjuran Karnival Cakna Rakyat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kelantan bertujuan memupuk semangat kebersamaan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat, kata Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hasan.

Menurutnya, nilai-nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat seperti semangat gotong-royong kini semakin terhakis, justeru program sebegini mampu menghidupkan kembali amalan tersebut.

“Apabila kita buat karnival seperti ini, kita dapat hidupan balik unsur-unsur yang kian terhakis seperti gotong royong dan sebagainya. Inilah satu evolusi yang kita buat melalui Karnival Cakna Rakyat untuk menghidupkan tradisi masyarakat yang mempunyai nilai tinggi dan bertepatan dengan agama.”

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Anugerah Karnival Cakna Rakyat 2025, di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Tambahnya, penganjuran karnival tersebut turut menonjolkan kembali identiti orang Melayu dan Islam di Malaysia yang berasaskan adat serta tidak bertentangan dengan ajaran agama.

“Kita lihat ada satu identiti



orang Melayu dan Islam di Malaysia ini yang dipanggil adat Melayu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Contohnya orang dahulu menggunakan kain sarung sebagai tudung kerana pada masa itu belum ada tudung khusus, namun jika memenuhi piawaian syariah, ia boleh dihidupkan kembali,” ujarnya.

Dalam masa yang sama, beliau menyeru masyarakat untuk kembali menghargai dan mengamalkan tradisi berpakaian yang sopan serta menepati syariat Islam, berbanding menonjolkan budaya berpakaian barat yang canggug dengan nilai ketimuran.

“Daripada kita menonjolkan tradisi berpakaian cara barat atau

yang tidak sesuai dengan orang timur, lebih baik kita hidupan kembali tradisi orang tua dahulu yang menarik, manis dipandang serta sopan, dan pada masa yang sama bertepatan dengan kehendak agama,” katanya lagi.

Karnival Cakna Rakyat yang menjadi wadah memperkukuh perpaduan serta nilai kemasyarakatan dalam kalangan rakyat Kelantan itu turut menyediakan penghargaan kepada peserta.

Anugerah Karnival Cakna Rakyat 2025 dimenangi oleh DUN Pantai Irama, Naib juara disandang oleh DUN Bunut Payong dan tempat ketiga di sandang oleh DUN Kadok.

Selaku juara, DUN Pantai Ira-

ma membawa pulang wang tunai RM10,000, plak dan sijil penghargaan, manakala DUN Bunut Payong membawa pulang wang tunai RM8,000, plak dan sijil penghargaan dan DUN Kadok menerima wang tunai RM5,000, plak dan sijil penghargaan.

Manakala lima DUN menerima anugerah DUN cemerlang iaitu DUN Pasir Pekan, DUN Kijang, DUN Chetok, DUN Kelaboran dan DUN Kota Lama. DUN cemerlang menerima RM3000 dan Sijil penghargaan.

Turut hadir, Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) YB Dato' Abdul Rahman Yunus dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN).

Majlis Mahabbah perkukuh silaturahim dengan mantan pemimpin MBI

Oleh:Norzana Razaly

KOTA BHARU, 5 November – Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) Dewan Negeri Kelantan YB Dato’ Abdul Rahman Yunus menzahirkan penghargaan dan rasa kasih terhadap kepimpinan negeri serta jasa bakti mantan pemimpin terdahulu yang menjadi tunjang kepada kejayaan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) sejak diperkenalkan 35 tahun lalu.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Mahabbah Kepimpinan Kelantan Bersama Mantan Pemimpin Membangun Bersama Islam yang diadakan bagi meraikan sumbangan dan pengorbanan tokoh-tokoh kepimpinan negeri dalam memartabatkan dasar MBI.

“Penganjuran majlis ini menjadi wadah mempererat hubungan silaturahim sesama pejuang yang telah mengangkat dasar Membangun Bersama Islam hingga dikenali di



seluruh negara.

“Semoga majlis ini menjadi sebab bertambah kasih sayang dan kesefahaman antara pemimpin dahulu dan kini,” katanya di sebuah hotel di sini, pada Selasa.

Majlis kelolaan Pejabat Menteri Besar yang menghimpunkan saf kepimpinan negeri, Ahli Dewan Negeri dan mantan pemimpin Kelantan itu turut dihadiri mantan Menteri Besar Kelantan YB Ustaz Dato’ Bentara Kanan Ahmad Yakob.

Beliau juga menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas keprihatinan men-

ganjurkan majlis tersebut yang disifatkannya sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan sumbangan pemimpin terdahulu dalam memperkukuh asas pentadbiran Islam di negeri ini.

“Kita diikat dengan satu dasar iaitu Membangun Bersama Islam. Ia bukan sekadar slogan, tetapi manhaj hidup yang membentuk jati diri serta mengembangkan kefahaman Islam sebagai obor penerang negeri.

“Kita mesti terus menjadi benteng mempertahankan dasar ini dengan ilmu dan akhlak mulia, mempertautkan silaturahim dan

memperkayakan pengalaman bersama generasi pelapis,” katanya.

Dato’ Ahmad turut memetik pandangan Ibnu Khaldun bahawa “barang siapa yang tidak mengambil pengajaran daripada masa lalu, dia tidak dapat memanfaatkan masa depan,” sebagai peringatan penting terhadap kesinambungan perjuangan dan hikmah sejarah kepimpinan.

Beliau menegaskan, keutuhan istiqamah serta semangat kebersamaan yang dizahirkan melalui majlis seperti itu menjadi pemangkin kepada kekuatan umat dan kestabilan politik di Kelantan.



Pra Monsun Timur Laut: Kelantan persiap 200 sukarelawan melalui bengkel pertolongan cemas



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 2 November – Bagi menghadapi Monsun Timur Laut tidak lama lagi, seramai 200 petugas bencana, sukarelawan dan kakitangan awam dilatih dengan kemahiran asas pertolongan cemas, Cardio-Pulmonary Re-

suscitation (CPR) dan penggunaan Automated External Defibrillator (AED) melalui Bengkel Peningkatan Kemahiran Komuniti.

Bengkel pertolongan cemas tersebut telah dijalankan dalam dua siri yang masing-masing dihadiri 100 peserta. Siri Pertama di Senangin Resort & Training Centre,

Tumpat, manakala siri Kedua berlangsung di Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong pada 1 November 2025.

Menurut Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim, program itu adalah sebahagian daripada usaha Kelantan melahirkan 1,000 suka-

relawan bertauliah.

“Program sebegini bukan sahaja melatih sukarelawan dan petugas bencana, tetapi juga memastikan masyarakat setempat bersedia menghadapi sebarang kecemasan dengan segera dan berkesan,” katanya merasmikan bengkel Siri Pertama pada 28 dan 29 Oktober lalu.

Program berkenaan melibatkan peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk kakitangan awam, staf Pusat Khidmat Masyarakat DUN, penghulu, Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD), sukarelawan NGO, pekerja dalam bidang pembinaan dan kejuruteraan, serta individu persendirian yang berminat.

Antara pengisian bengkel ialah prinsip dan teori pertolongan cemas, teknik balutan dan anduh, praktikal usungan mangsa, serta pengenalan kepada CPR dan AED.

Masalah negeri dan keadilan distributif: Mentafsir souvereniti ekonomi dalam isu REE Kelantan



Oleh: Norzana Razaly

Kebimbangan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap perjanjian dagang Malaysia-Amerika Syarikat pada 26 Oktober 2025 berhubung nadir bumi (REE) adalah reaksi terhadap urus niaga antarabangsa dan manifestasi pertarungan kuasa antara kedaulatan sumber negeri dengan struktur ekonomi global yang dipacu kepentingan geopolitik.

Dalam kerangka federalisme asimetri, isu tersebut menzahirkan persoalan besar tentang masalah negeri, keadilan distributif, serta hak menentukan hala tuju pembangunan berasaskan sumber sendiri iaitu hakikat bahawa kemakmuran yang sejati mesti berakar pada kebebasan mengurus rezeki tanah sendiri.

Kenyataan rasmi Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan, pada 30 Oktober 2025 telah membuka lembaran baharu dalam wacana politik ekonomi negara. Tatkala isu nadir bumi (REE) sering dilihat dari sudut pelaburan dan pertumbuhan makro, Dato' Dr. Fadzli mengajak khalayak menilai dari sudut kedaulatan sumber serta hak negeri dalam menentukan masa depan ekonominya.

Dalam nada yang tenang tetapi tegas, beliau menegaskan bahawa kebimbangan Kelantan bukan bermaksud menolak pelaburan asing, sebaliknya mempertahankan hak negeri agar tidak diketepikan dalam rundingan antarabangsa yang berkait langsung dengan sumber di wilayahnya sendiri.

Penjelasan beliau dipetik sebagai berkata “agar semua dapat melihat perkara ini dengan mata hati dan fikiran terbuka” merupakan manifesto intelektual tentang bagaimana sumber alam wajar diurus dengan prinsip keadilan, amanah, dan keseimbangan antara keuntungan ekonomi serta kedaulatan negeri.

Hak negeri dan tafsiran perlembagaan

Hujah utama Dato' Dr. Fadzli berasaskan tafsiran Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa semua sumber mineral dalam sempadan negeri adalah hak milik negeri. Prinsip ini berakar daripada semangat Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri) yang menegaskan autonomi negeri dalam urusan pelesenan dan kawalan sumber mineral.

Dari sudut sains politik dan ekonomi pembangunan wilayah, kenyataan itu membawa implikasi besar terhadap konsep “souvereniti ekonomi” iaitu hak sesebuah entiti wilayah untuk menentukan arah eksploitasi, pemprosesan, dan pengagihan hasil bumi dalam kerangka keadilan distributif.

Namun, dalam sistem federalisme Malaysia yang berteraskan pengagihan kuasa tidak simetri (asymmetric federalism), hak-hak negeri seringkali dikaburkan oleh kuasa persekutuan yang melangkaui sempadan pentadbiran, khususnya apabila melibatkan perjanjian antarabangsa. Di sinilah tercetus dilema: sejauh manakah kerajaan negeri dapat mempertahankan kedaulatan ekonominya apabila keputusan strategik dibuat di peringkat pusat?

Apa yang dikemukakan oleh Dato' Dr. Fadzli bukanlah bantahan politik semata-mata, sebaliknya beliau menegaskan prinsip bahawa pengurusan sumber alam tidak boleh dipisahkan daripada hak menentukan hala tuju ekonomi negeri. Pengurusan sumber alam adalah hak moral dan konstitusional (hak untuk mentafsir keadilan ekonomi dari sudut wilayah, selari dengan konsep masalah negeri dalam kerangka ekonomi Islam).

Klausu ‘shall refrain’: Tanda kuasa yang mengikat

Perhatian utama yang ditimbulkan dalam kenyataan beliau merujuk kepada klausu perjanjian yang berbunyi:

“Malaysia shall refrain from banning, or imposing quotas on exports of rare earths to the United States.”

Dalam konteks diplomasi ekonomi antarabangsa, istilah “shall” bukan bermakna cadangan, tetapi perintah yang bersifat mengikat. Dari sudut geopolitik sumber, klausu ini membawa implikasi bahawa Malaysia (termasuk negeri yang memiliki sumber) terikat untuk tidak menghadkan eksport walaupun atas alasan keperluan domestik atau pertimbangan kelestarian.

Fenomena tersebut menunjukkan wujudnya

bentuk neoimperialisme sumber iaitu penguasaan baharu yang tidak lagi bergantung kepada penjajahan wilayah, sebaliknya melalui kawalan terhadap aliran bahan mentah strategik. Dalam senario ini, negara membangun sering kali menjadi penyedia sumber, manakala negara maju mengawal rantai nilai, teknologi, dan pasaran global.

Dalam bahasa ekonomi politik, REE ialah simbol kuasa bukan cuma komoditi. Kuasa yang menentukan siapa yang menguasai masa depan industri tenaga hijau, pertahanan, dan teknologi canggih.

Oleh itu, kebimbangan Kelantan yang disuarakan Timbalan Menteri Besar itu ada asasnya justeru kegusaran itu melibatkan persoalan tentang keadilan distributif dalam ekosistem ekonomi global atau dalam erti kata lain apakah nilai sebenar sumber yang digali dari tanah negeri ini memberi manfaat adil kepada rakyatnya?

Analogi sawah dan padi: Naratif ekonomi rakyat

Keindahan retorik politik Dato' Dr. Fadzli terserlah apabila beliau menggunakan tamsilan yang dekat dengan jiwa rakyat: “Sawah kita, orang lain jual padi.”

Ungkapan ini bukanlah sekadar kiasan melainkan suatu strategi pendidikan ekonomi yang menghubungkan konsep abstrak seperti rantaian nilai dengan realiti masyarakat tani. Dalam ekonomi Islam, tamsilan seperti ini mengingatkan kepada prinsip adl (keadilan) dalam agihan hasil dan hisbah (akauntabiliti) dalam urus niaga.

Tulisnya, “Beginilah kebimbangan kami terhadap REE. Kami tidak mahu menjadi seperti petani yang hanya melihat lori penuh padi keluar dari sawahnya sendiri tanpa tahu berapa harga sebenar hasilnya dan kepada siapa ianya dijual. Si petani sendiri sebenarnya sudah ada perancangan untuk memperoses padi menjadi beras, sehingga seterusnya membuka restoran yang menjual segala macam hidangan nasi dan kuih muih. Sudah tentu lebih ramai orang akan mendapat manfaat dan petani sendiripun akan mendapat pendapatan dari banyak jenis pekerjaan.”

Lagi katanya, “Lain halnya kalau dia hanya menjual padi sahaja. Untung hanya sekali. Ladang getah kita yang punya, tetapi kita terpaksa membeli tayar dari orang lain. Kalaupun kita tidak mampu mengadakan kilang tayar, men-

K E B E R K A T A N

gapa tidak kita tetapkan syarat jika nak beli getah kita untuk dijadikan tayar atau apa sahaja barangan getah, maka proses dan kilangnya mesti dibuat di negeri kita. Nantinya harga tayar dan barangan lain kita akan dapat dengan harga lebih murah. Kita juga akan menambah sumber pendapatan lain dalam bentuk pelbagai jenis cukai. Anak-anak muda kita mendapat banyak peluang pekerjaan dan juga kemahiran. Berlaku proses pemindangan teknologi.”

Hakikat yang beliau tekankan ialah Kelantan tidak menolak pelaburan namun menuntut pelaburan yang memelihara kedaulatan nilai dan keadilan agihan. Maka, persoalan yang lebih besar bukannya siapa melabur, tetapi siapakah yang menentukan hala tuju pelaburan dan bagaimanakah manfaatnya diagihkan?

Secara teori ekonomi pembangunan wilayah, inilah inti kepada konsep autonomi rantaian nilai iaitu apabila negeri memiliki keupayaan pemprosesan, inovasi teknologi, dan penguasaan pasaran hiliran. Bukannya mengeksport bahan mentah sahaja.

Trauma petroleum dan ingatan kolektif rakyat

Apabila Dato' Dr. Fadzli menyebut “sejarah petroleum tidak boleh berulang,” beliau mengaktifkan ingatan kolektif rakyat terhadap ketidakadilan ekonomi lampau. Strategi berkenaan membina legitimasi moral dalam wacana dasar justeru ingatan terhadap royalti minyak yang tidak dibayar kepada Kelantan adalah simbol ketidakseimbangan struktur kuasa antara pusat dan negeri. Sementara itu penafian hak Kelantan itu merupakan nostalgia politik yang tragis.

Kekhuatiran beliau menggambarkan keperluan Kerajaan Persekutuan untuk membina dasar baharu berasaskan federalisme kolaboratif, bukan federalisme hierarki. Baginya, negeri wajar diberi ruang dalam rundingan dasar sumber strategik bukan sekadar penerima dasar yang dirangka pusat. Dalam kerangka Islami, usulnya itu sejajar dengan prinsip syura dan ta'awun dalam urus tadbir; perundingan bersama untuk mencapai maslahat yang lebih luas.

REE sebagai agenda autonomi Industri

Dalam dunia pasca-globalisasi, REE kini dianggap aset keselamatan nasional. Kelantan dilihat bersedia mengambil langkah strategik ke arah autonomi industri sumber, termasuk meneroka kerjasama teknologi pemprosesan, pemindahan ilmu, dan pembangunan rantai nilai tempatan.

Pendekatan itu menepati paradigma pembangunan berdasarkan wilayah iaitu strategi membangun kekuatan dalaman negeri untuk menyeimbangkan ketergantungan terhadap pusat.

Dalam konteks ini, Kelantan tidak sekali menolak kerjasama antarabangsa sebaliknya menuntut agar sebarang pelaburan berpaksikan prinsip manfaat bersama. Dalam bahasa ekonomi Islam, kebersamaan itulah perihai yang bersandarkan prinsip maslahah dan amanah dengan mengakui kekayaan bumi adalah amanah Allah yang perlu dimakmurkan demi kesejahteraan rakyat, bukan segelintir elit ekonomi.

Seruan kepada federalisme seimbang dan adil

Nada akhir kenyataan Dato' Dr. Fadzli memperlihatkan kematangan politik ekonomi yang berasaskan keseimbangan, bukan konfrontasi. Beliau menegaskan bahawa isu REE perlu ditangani dengan “mata hati dan fikiran terbuka.”

Pernyataan itu mencerminkan strategi autonomi pragmatik yakni mempertahankan hak negeri dalam kerangka kolaboratif, tanpa menafikan keperluan koordinasi nasional. Dalam erti yang lebih luas, beliau menuntut sebuah sistem federalisme yang bersifat syura moden yang menyediakan wahana kepada negeri dan pusat berunding secara telus dalam hal dasar ekonomi yang menyentuh kepentingan bersama.

Bagi ekonomi wilayah, hal tersebut penting untuk membina daya tahan dalam menghadapi perubahan pasaran global yang tidak menentu. Kelestarian sumber, keadilan agihan, dan integriti urus tadbir menjadi tiga tunggak kepada kedaulatan ekonomi negeri yang berteraskan nilai Islam dan prinsip pembangunan mampan.

Persimpangan antara kedaulatan dan globalisasi

Keseluruhan kenyataan rasmi tersebut, apabila dibaca dari lensa ekonomi politik, merupakan sebuah manifesto kedaulatan ekonomi wilayah dalam era globalisasi mineral strategik. Timbalan Menteri Besar Kelantan itu menyeru agar negeri tidak dilihat sebagai entiti periferi (pinggiran) dalam struktur ekonomi nasional, sebaliknya sebagai rakan strategik dalam menentukan arah pembangunan negara.

Sekiranya petroleum pernah menjadi simbol kehilangan hak negeri, maka REE kini menjadi medan ujian baharu bagi keadilan federalisme Malaysia. Kelantan, melalui suara Dato' Dr. Fadzli, menegaskan bahawa pembangunan yang berkat hanya dapat dicapai apabila hak negeri dihormati, manfaat diagih secara adil, dan urus tadbir berpaksikan amanah.

Sebagaimana yang beliau simpulkan, “Kami ingin kemajuan yang membawa rahmat kepada semua, bukan kemajuan yang menafikan hak negeri dan rakyat. Dengan penjelasan di atas, kami harap tuan puan boleh memahami mengapa kami perlu merasa bimbang dan kebimbangan kami itu berasas. Kalau sememangnya perjanjian itu tidak bermaksud begitu, anggaplah ianya sebagai satu ingatan.”

Dalam konteks ekonomi Islam dan pembangunan wilayah, peringatan ini merupakan sebuah moral agar kedaulatan sumber bumi tidak dikorbankan atas nama pelaburan, dan agar kesejahteraan rakyat tetap menjadi kompas utama dalam setiap dasar ekonomi negara.



NR-REE ADALAH HAK NEGERI

KERJASAMA DENGAN PERSEKUTUAN

MESTI ADIL DAN LESTARI



Prinsip Asas

- Sumber mineral nadir bumi (NR-REE) dalam sempadan negeri adalah hak milik negeri berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan (9).
- SG4 komited memastikan pengurusan bertanggungjawab, lestari & berfaedah kepada rakyat serta generasi akan datang.

Empat negeri SG4


Kelantan


Kedah


Terengganu


Perlis

menguasai 70% sumber NR-REE negara.



Pelan & Polisi Negeri

- Setiap negeri SG4 sedang membangunkan pelan strategik bersama meliputi:
 - ✔ Eksplorasi & perlombongan lestari
 - ✔ Pengurusan alam sekitar
 - ✔ Pemindahan teknologi
 - ✔ Pembangunan modal insan tempatan
- Polisi: NR-REE kekal dalam SG4, memberi peluang kepada industri tempatan & rakyat



Sokongan Selari Dengan Aspirasi Persekutuan

- SG4 menyokong usaha Kerajaan Persekutuan membangunkan ekosistem hulu, pertengahan & hiliran industri NR-REE.
- Namun, setiap perancangan nasional mesti libatkan negeri pemilik sumber melalui rundingan rasmi.



Prinsip Kerjasama & Keadilan

- SG4 terbuka untuk bekerjasama dalam semangat federalisme yang adil & saling menghormati.
- Menegakkan kesilapan lama seperti isu royalti minyak tidak boleh berulang.
- Pembahagian hasil mesti telus, adil & seimbang.



Model Baharu Pembahagian Hasil

- Pembangunan industri NR-REE perlu dilaksanakan di negeri pemilik sumber.
- Hasil negeri tidak boleh terhad kepada royalti semata-mata, tetapi mesti melibatkan:
 - ✔ Ekuiti & perkongsian keuntungan
 - ✔ Pemindahan teknologi kepada negeri & rakyat.
- Negeri sumber mesti dilibatkan dalam semua peringkat rundingan & pelaksanaan nasional.

Keselamatan digital kanak-kanak membimbangkan, kerajaan digesa ambil pendekatan seimbang

Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 4 November – Isu keselamatan digital kanak-kanak kian membimbangkan susulan peningkatan risiko pendedahan kepada kandungan tidak sesuai dan pengaruh negatif dalam talian, sekali gus menuntut tindakan segera kerajaan untuk menyeimbangkan antara perlindungan sosial dan pembangunan ekonomi digital negara.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr. Wan Martina Wan Yusof berkata, kerajaan wajar mengambil pendekatan bersepadu dan seimbang bagi memastikan ruang digital di Malaysia menjadi persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak tanpa mengekang pertumbuhan ekonomi digital.

“Sudah tiba masanya Malaysia menilai semula kerangka perundangan serta pengawalseliaan platform permainan dalam talian bagi melindungi pengguna bawah umur daripada risiko kandungan tidak sesuai,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan pelaksanaan penarafan umur dan pelesenan permainan dalam talian di bawah undang-undang komunikasi dan



multimedia, selain memperkuat mekanisme penguatkuasaan mod kanak-kanak (child mode) pada aplikasi digital.

Menurutnya, mod tersebut perlu menghadkan interaksi sosial dan transaksi mikro dalam talian, disertai dengan pendidikan literasi digital kepada ibu bapa dan guru, serta kerjasama strategik dengan pengendali platform antarabangsa bagi memastikan kandungan mematuhi piawaian keselamatan global.

Dr. Wan Martina turut mencadangkan penubuhan Majlis Keselamatan Digital Kanak-Kanak (MKDKK) di bawah penyelarasan bersama Kementerian Komunikasi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) serta Kementerian Pendidikan.

Katanya, majlis tersebut ber-

peranan menilai risiko platform digital secara berkala, menyelaraskan tahap keselamatan aplikasi mesra kanak-kanak, melaksanakan kempen keselamatan siber keluarga, serta membangunkan Indeks Keselamatan Digital Kanak-Kanak Malaysia sebagai penanda aras dasar awam negara.

“Pendekatan ini lebih mampan berbanding langkah pengharaman sementara terhadap permainan dalam talian seperti Roblox yang baru-baru ini dibangkitkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato’ Nancy Shukri.

“Ia menunjukkan kesungguhan kerajaan menyeimbangkan antara keselamatan sosial dan kemajuan ekonomi digital,” katanya.

Mengulas insiden tragis di Batu Paha, yang menyaksikan seorang kanak-kanak lelaki berusia enam

tahun maut dipercayai akibat pengaruh permainan video, Dr. Wan Martina menegaskan kejadian itu perlu menjadi peringatan penting bahawa dunia digital tidak bebas daripada risiko sebenar.

Beliau turut menzahirkan simpati kepada keluarga mangsa dan mengingatkan masyarakat agar tidak membuat kesimpulan awal sebelum siasatan pihak berkuasa selesai.

“Tindakan kerajaan perlu berpaksikan kepada pendidikan, pengawalan berhemah dan kerjasama pelbagai pihak, bukan semata-mata bergantung kepada larangan,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan kes seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun dikelar dan ditikam oleh abangnya di Batu Pahat, dipercayai terpengaruh oleh permainan video dalam talian.



Segerakan Projek LPT3 demi kepentingan rakyat Kelantan - Dr. Wan Martina



Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 5 November – Kerajaan Persekutuan digesa mempercepatkan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) tanpa sebarang penelitian semula demi kepentingan rakyat Kelantan.

Gesaan itu disuarakan oleh Senator Wan Martina Wan Yusof yang menegaskan bahawa projek berke-

naan perlu dipergiat dan disegerakan agar kembali berada di landasan yang betul demi kebajikan rakyat.

“Projek LPT3 mesti disegerakan demi kepentingan dan kebajikan rakyat Kelantan serta harus menjadi keutamaan tertinggi kerajaan.

“Pembinaan lebuh raya ini akan memberi manfaat besar kepada semua lapisan masyarakat,” katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, kerajaan pusat perlu memberikan penjelasan yang jelas dan telus mengenai status terkini projek tersebut agar rakyat mengetahui perkembangan sebenar.

Dr. Wan Martina turut mene-

gaskan bahawa sebarang penelitian semula yang berlarutan hanya akan menambah beban dan kekecewaan rakyat yang sekian lama menantikan kemudahan berkenaan bagi memendekkan jarak perjalanan, mengurangkan masa di jalan raya serta merangsang ekonomi tempatan.

“Projek LPT3 bukan sekadar projek infrastruktur; ia adalah nadi kehidupan, pemangkin ekonomi dan jalur penyelamat bagi ratusan ribu rakyat Kelantan,” katanya.

Sebagai wakil rakyat Kelantan di Dewan Negara, beliau turut berikrar untuk membawa isu tersebut ke sidang Dewan Negara akan datang, bagi memastikan suara rakyat negeri itu didengari di peringkat tertinggi.

“Saya akan mendesak agar kerajaan memberikan komitmen nyata dan jawapan yang jelas supaya projek ini dapat dilaksanakan tanpa sebarang kelewatan,” jelasnya.

Wan Martina juga mengakui terdapat perkara teknikal yang perlu diselesaikan, namun menegaskan bahawa penyelesaian itu harus berpaksikan keazaman politik bagi memastikan projek tidak terus tergantung.

“Rakyat Kelantan telah menunggu terlalu lama. Jangan biarkan harapan mereka kembali pudar.

“Saya menjulang hasrat dan suara rakyat Kelantan agar Projek LPT3 ini diteruskan dan disegerakan demi kemakmuran serta kesejahteraan bersama,” ujarnya.

Idea baharu, cadangan penambahbaikan Madinah Ramadan 2026 dialu-alukan - YB Hilmi

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 3 November – Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah mengalu-alukan sebarang cadangan dan penambahbaikan daripada semua pihak bagi memperkukuh pelaksanaan program Madinah Ramadan 1447H/2026M akan datang.

Menurutnya, keterlibatan pelbagai pihak amat penting dalam memastikan penganjuran program tahunan itu terus relevan serta memberi manfaat besar kepada rakyat negeri Kelantan.

“Mesyuarat kali ini meneliti laporan pasca nilai penganjuran tahun lepas serta mendengar pembentangan cadangan pengisian program sepanjang Ramadan akan datang.

“Kami amat mengalu-alukan sebarang idea dan cadangan bagi penambahbaikan daripada semua



pihak,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Induk Madinah Ramadan 1447H/2026M yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPKB-BRI Dato’ Azi Rahimee Mohamed, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah serta pegawai-pegawai MPKB-BRI di Dewan Bunga Raya, Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)

pada Ahad.

Tambahnya, program Madinah Ramadan yang akan memasuki tahun ke-21 penganjurannya merupakan inisiatif tahunan Kerajaan Negeri Kelantan yang diurusetikan oleh MPKB-BRI sepanjang Ramadan.

“Setiap tahun, Madinah Ramadan tampil dengan tema tersendiri. Pada tahun 2024 bertemakan Cinta Palestin, manakala bagi tahun 2025 pula bersempena Dua Dekad Kota



Bharu Bandar Raya Islam” jelasnya.

Pada masa sama, YB Hilmi turut mengalu-alukan penyertaan dan sumbangan daripada semua pihak bagi menjayakan program berkenaan.

“Pihak MPKB-BRI amat mengalu-alukan sebarang bentuk derma, sumbangan dan penajaan bagi menghidupkan lagi semangat Ramadan yang penuh keberkatan ini,” ujamnya.

Veterinar pemacu baharu pembangunan industri ternakan Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 4 November – Sektor veterinar kini dilihat memainkan peranan dalam kawalan penyakit haiwan dan menjadi pemacu utama pembangunan industri ternakan berdaya saing, kemajuan bioteknologi serta melahirkan generasi baharu usahawan muda dalam bidang penternakan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata keupayaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVKN) melaksanakan fungsi kawalan penyakit dengan berkesan telah memperkukuh keyakinan

terhadap keselamatan makanan negeri dan membuka ruang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan ternakan yang lebih dinamik.

“Peranan sektor veterinar kini jauh lebih luas, Bukan sahaja memastikan kesihatan dan kebajikan haiwan, tetapi juga menjamin keselamatan makanan rakyat serta kelestarian sumber protein tempatan. Ia adalah tunjang kepada daya tahan industri pertanian negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Veterinar Peringkat Negeri Kelantan 2025 yang berlangsung di sebuah hotel, di sini, semalam.

Dato’ Tuan Saripudin turut merakamkan penghargaan kepada JPVKN atas komitmen berterusan dalam memperkukuh sistem veterinar negeri melalui pelbagai inisiatif kawalan, program kesedaran awam serta kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, swasta dan komuniti penternak.

“Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JPVKN yang bukan sahaja memainkan peranan penting dalam perkhidmatan veterinar, tetapi juga dalam menggerakkan pelan pembangunan ternakan negeri yang mampan. Sinergi bersama pelbagai agensi ini amat penting

bagi memperkukuh keselamatan makanan dan ekonomi tani,” ujamnya.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan Anugerah Penghargaan Veterinar kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan Cemerlang, rakan strategik, serta pegawai dan staf yang menerima pengiktirafan khas atas kecemerlangan serta dedikasi mereka dalam memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.

Dato’ Tuan Saripudin turut menyeru agar warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar terus memperkukuh nilai integriti, profesionalisme dan inovasi, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan sektor penternakan sebagai teras pertumbuhan ekonomi pertanian baharu yang berdaya tahan dan lestari.

“Veterinar bukan lagi hanya tentang kawalan penyakit, tetapi tentang masa depan industri penternakan yang membina daya saing, memacu bioteknologi dan mencipta peluang ekonomi baharu untuk rakyat Kelantan,” katanya.

Exco Keusahawanan tinjau ICQS Bukit Bunga, perkukuh kerjasama ekonomi sempadan

Oleh: Syamimi Manah

TANAH MERAH, 4 November - Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh agenda pembangunan ekonomi sempadan melalui lawatan kerja Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga, semalam.

Lawatan tersebut bertujuan menilai keberkesanan operasi kompleks berkenaan terhadap komuniti setempat serta memperkukuh kerjasama strategik dengan pihak berkuasa Thailand dalam memperkasa hubungan perdagangan dan sosial rentas sempadan.

Dato' Md Anizam berkata, peninjauan itu memberi peluang kepada Kerajaan Negeri menilai perkembangan pembangunan ICQS Bukit Bunga serta mengenal pasti keperluan semasa bagi memastikan kompleks tersebut ter-



us berfungsi sebagai pintu masuk antarabangsa yang berdaya saing dan mesra pelabur.

“Saya diberi taklimat mengenai operasi serta kesan pembangunan kompleks ini terhadap penduduk sekitar. Lawatan ini juga membuka ruang untuk kita melihat potensi baharu kerjasama dengan Thailand, khususnya dalam sektor perdagangan dan pelancongan sempadan,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau turut meninjau bersama wakil kerajaan Thailand ke tapak cadangan Jambatan Kedua Rantau

Panjang-Golok, bagi memastikan projek infrastruktur tersebut memberi manfaat optimum kepada rakyat di kedua-dua negara.

“Kedudukan Kelantan yang bersempadan langsung dengan Thailand perlu dimanfaatkan sebagai pintu pertumbuhan ekonomi baharu. Justeru, projek seperti Jambatan Kedua Rantau Panjang-Golok amat penting dalam memperkukuh jaringan logistik dan memperluas pasaran usahawan tempatan,” jelasnya.

Lawatan kerja tersebut turut disertai oleh Ahli Dewan Negeri



(ADN) Gual Periook YB Kamaruzaman Mohamad, Timbalan Pengarah Jabatan Imigresen (Pengurusan) Negeri Kelantan Nik Akhtarulhaq Nik Abdul Rahman, serta Ketua Penolong Pengarah Perancangan Sektor Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan Tengku Ahmad Zarir Tengku Abdul Rahim.

Hadir sama, Ketua Jajahan Pasir Mas Syamsul Abu Bakar, Timbalan Ketua Jajahan Tanah Merah Nor Azman Md Naw, dan Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah Mohd Khairil Hazmi Yusof.

Pembinaan Stesen Bas Bandar Baru Jelawat bukti komitmen MDBBPI tingkatkan kemudahan awam



Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 4 November – Pembinaan Stesen Bas Bandar Baru Jelawat menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDBBPI) mempertingkatkan kemudahan pengangkutan awam demi keselesaan penduduk dan pelancong.

Stesen bas tersebut sudah dibina dan perasmian pembukaannya telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MDBBPI Mohd Zaki Yusoff pada

Isnin.

Pembinaan stesen bas tersebut dijangka menjadi pusat tumpuan utama bagi aktiviti ekonomi setempat, selain berperanan sebagai nadi perhubungan baharu di kawasan Bandar Baru Jelawat.

Mohd Zaki berkata bahawa pembinaan stesen bas tersebut akan memberi manfaat besar kepada masyarakat setempat, pelancong, dan peniaga kecil yang menjalankan perniagaan di sekitar kawasan tersebut.

“Kemudahan ini bukan sahaja memudahkan pergerakan rakyat, tetapi turut berperanan sebagai mercu tanda baharu pembangunan di Bandar Baru Jelawat. Dengan adanya stesen bas ini, kita berharap ia akan menjadi pemangkin kepada kemajuan ekonomi dan sosial setempat,” ujarinya.

Beliau turut menambah bahawa usaha berkenaan sejajar dengan matlamat MDBBPI untuk menjadikan Bachok sebagai Bandar Pelancongan Islam yang moden, harmoni dan berdaya saing. Pembinaan stesen bas ini turut melambangkan kesungguhan majlis dalam menyediakan prasarana berkualiti bagi menyokong pertumbuhan pesat kawasan bandar baharu.

Majlis perasmian tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan MDBBPI serta wakil daripada syarikat Express Perdana. Kehadiran pelbagai pihak ini mencer-

minkan semangat kerjasama dan sokongan padu terhadap usaha pembangunan yang dijalankan oleh majlis.

Mohd Zaki optimis bahawa stesen Bas Bandar Baru Jelawat dijangka menjadi mercu tanda baharu bagi daerah Bachok, sekaligus meningkatkan imej dan daya tarikan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan Islam yang progresif.

“MDBBPI yakin bahawa dengan adanya kemudahan pengangkutan awam yang selesa dan strategik ini, ia akan membuka lebih banyak peluang perniagaan dan menarik lebih ramai pengunjung ke Bachok,” katanya.

Tambahnya, mewakili seluruh warga MDBBPI, beliau berharap agar semua pihak termasuk masyarakat setempat, pengusaha pengangkutan dan peniaga dapat sama-sama memanfaatkan kemudahan yang disediakan itu untuk kesejahteraan bersama.

Lebih 1,000 peserta meriahkan Monsoon Run 2025

Oleh: Syamimi Manah

PASIR PUTEH, 4 November – Suasana ceria dan penuh semangat mewarnai Karnival Monsoon Run Jajahan Pasir Puteh 2025 apabila lebih 1,000 peserta berusia antara 12 hingga 60 tahun menyertai acara larian yang berlangsung di D'Rhu Rehlah, Pantai Bisikan Bayu, pada Sabtu.

Acara tahunan anjuran Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) itu turut menarik penyertaan peserta dari luar negeri termasuk Johor, Kedah, Kuala Lumpur dan Terengganu, sekali gus menonjolkan daya tarikan pantai bersejarah itu sebagai destinasi pelancongan sukan dan rekreasi.

Program tersebut dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankua-



sa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor, yang menyifatkan Monsoon Run sebagai inisiatif berimpak positif kepada pembangunan pelancongan tempatan.

“Program seperti ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti larian, malah memperkenalkan keindahan Pantai Bisikan Bayu sebagai destinasi riadah dan rekreasi pilihan di Kelan-

tan,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi pada Sabtu.

Beliau berkata, sinergi antara elemen sukan, pelancongan dan komuniti yang diterapkan dalam penganjuran Monsoon Run mampu memperkukuh agenda pelancongan negeri seiring hasrat menjadikan Kelantan sebagai destinasi pelancongan pilihan di Pantai Timur.

“Tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Monsoon Run kini

menjadi acara tahunan yang dinanti-nantikan dan berpotensi menarik lebih ramai pelancong pada masa akan datang,” ujarnya.

Acara Monsoon Run turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sampingan termasuk pameran komuniti, jualan produk tempatan dan persembahan kebudayaan yang memberi peluang kepada pengunjung menikmati keunikan budaya serta hasil tangan masyarakat setempat.

Kelantan Youth DigitalPreneur platform ekonomi digital belia Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 5 November – Kelantan Youth DigitalPreneur (KYD) bakal menjadi platform utama dalam merangka masa depan ekonomi digital belia negeri Kelantan.

Satu sesi Round Table Discussion (RTD) telah diadakan pada 2 November menghimpunkan pelbagai agensi, institusi dan wakil industri bagi memperkukuh ekosistem keusahawanan digital di Kelantan.

Sesi RTD bersama Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad itu melibatkan penyertaan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), CelcomDigi, Telekom Malaysia (TM) serta usahawan muda tempatan.

Menurut YB Zamakhshari, perbincangan tersebut menjadi langkah strategik untuk mengenal pasti isu, cabaran serta potensi besar yang dimiliki generasi muda Kelantan untuk menjadi peneraju dalam dunia digital.

“Saya percaya, belia Kelantan



mempunyai potensi luar biasa untuk menjadi peneraju dalam dunia digital.

“Insya-Allah, dengan kerjasama strategik antara kerajaan negeri, agensi persekutuan dan institusi pendidikan, kita akan melahirkan lebih ramai usahawan digital muda Kelantan yang mampu berdiri di pentas global,” katanya menerusi laman rasmi pada Isnin.

Tambahnya, pembentangan

oleh MDEC, menfokuskan kepada peluang baharu dalam freelancer economy dan pembangunan ekosistem digital berdikari di Kelantan.

Manakala UMK memperkenalkan projek AIXcellerate yang menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bagi memperkasakan usahawan muda agar lebih kompetitif dalam era digital.

Menurut beliau, diskusi berk-

enaan turut meneliti tiga perkara utama iaitu isu dan cabaran belia usahawan digital Kelantan, cadangan intervensi dan sokongan agensi, serta kerangka pelaksanaan Kelantan Youth DigitalPreneur 2026.

YB Zamakhshari merakamkan penghargaan kepada semua pihak atas komitmen dan idea bernas yang dikongsikan sepanjang sesi tersebut.



Veterinar pemacu baharu pembangunan industri ternakan Kelantan

Calon peperiksaan perlu ada kesungguhan, sentiasa dampingi guru – Exco Pendidikan

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 5 November – Calon peperiksaan diingatkan supaya menanam sifat kesungguhan serta sentiasa mendampingi guru sebagai kunci kejayaan dalam menuntut ilmu.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata demikian dan berkongsi pesanan Imam Al-Ghazali kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Menengah Ugama (SMU) di Sekolah Menengah Ugama (A) Nurul Huda (SABK) Kajang Sebidang, Pengkalan Kubor, hari ini.

Menurutnya, Imam Al-Ghazali menggariskan enam perkara penting untuk mencapai ilmu iaitu kecerdasan, keinginan yang kuat, kesungguhan, kewangan, mendampingi guru dan memerlukan tempoh waktu yang panjang.

Tambahnya, elemen tersebut bukan sahaja untuk cemerlang da-



lam peperiksaan, tetapi juga dalam membina masa depan yang berjaya.

Dato' Wan Roslan yang juga Ahli Dewan Negeri Pengkalan Ku-

bor turut menyampaikan kit peperiksaan berupa alat tulis kepada seramai 94 pelajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan yang bakal menjelang tidak lama lagi.

“Semoga adik-adik diberikan kemudahan dalam setiap urusan dan dikurniakan kejayaan cemerlang dalam peperiksaan akan datang,” katanya.

Kelantan salur RM6.75 juta bantu armalah, anak yatim



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 6 November – Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim menjelaskan bahawa seramai 200,909 armalah di seluruh Kelantan telah menerima bantuan adhoc antara tahun 2020 hingga 2025, dengan jumlah peruntukan keseluruhan melibatkan RM5.4 juta di bawah inisiatif Bantuan Adhoc dan Sosio Ekonomi Armalah.

Menurutnya, pada tahun 2020, sebanyak 50,287 penerima menerima bantuan berkenaan, diikuti 29,822 orang (2021), 30,489 orang (2022), 32,700 orang (2023), 28,758 orang (2024) dan 28,853 orang (2025).

“Bantuan ini diberikan bagi meringankan beban kewangan armalah dan anak yatim, khususnya dalam menghadapi keperluan mendesak serta memperkukuh daya tahan ekonomi keluarga yang kehilangan ketua isi rumah,” katan-



ya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Ahli Dewan Negeri Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman, pada Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Ke-15, hari ini.

Dalam usaha jangka panjang memperkasa ekonomi golongan armalah, kerajaan negeri turut melaksanakan pelbagai program pembangunan sosioekonomi, antaranya:

Program Jana Ekonomi Armalah, Kelas Jahitan dan Latihan Kemahiran dan Program Kembara Armalah

Termasuklah Bantuan Tabung Usahawan Wanita dan Kursus dan bimbingan Keusahawanan.

“Sehingga kini, sebanyak 1,695 penerima telah mendapat manfaat melalui Bantuan Sosioekonomi Armalah, manakala 288 penerima menerima bantuan daripada Tabung Usahawan Wanita,” jelasnya.

Dato' Rohani turut menegaskan bahawa pendekatan bantuan bersifat adhoc dan lestari tersebut bertujuan memberi kelegaan sementara dan turut memupuk keberdayaan ekonomi dan jati diri dalam kalangan armalah agar mereka mampu berdikari dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.